

▼07/06/17-07MST

U GB 07-06 00139 BA667

bah

Mahathir - Somalia 3 (akhir) Langkawi

Selain itu, tebus-guna tanah dilakukan untuk mendalamkan dasar laut bagi kemudahan kegiatan pelayaran kapal dan bot serta untuk diadakan marina.

Katanya, pelabur kini berminat melabur di Langkawi kerana terdapat pelbagai kemudahan disediakan oleh kerajaan termasuk kemudahan mendapatkan pinjaman bank.

Mengenai pengangkutan di sini, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang mengkaji perkara itu kerana ia kurang memuaskan.

" Bagaimanapun kerajaan tidak mahu melibatkan diri dalam bidang ini sebab ia bukan tanggungjawab kerajaan, sebaliknya kita akan memberi lesen kepada sesiapa yang berminat untuk mengadakan perkhidmatan pengangkutan yang lebih baik," katanya.

Beliau juga berkata, kerajaan sedang menjalankan ujian tanah di kawasan terbabit di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi untuk memanjangkan landasan terbang bagi menampung keperluan pesawat besar seperti Boeing 747.

-- Bernama.

IO MIB

▼07/06/17-07MST